



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SURAT PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 02 Tahun 2013

LARANGAN MEMBAWA PENGARUH LUAR

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semula mengenai larangan membawa pengaruh luar di Universiti Teknologi MARA.

LATAR BELAKANG

2. Semua staf Universiti Teknologi MARA telah dimaklumkan mengenai larangan membawa pengaruh luar melalui Pekeliling Pendaftar Bil 31 Tahun 2008 bertarikh 23 Julai 2008 berkenaan tuntutan staf di dalam urusan kenaikan pangkat, pertukaran tempat bertugas, permohonan biasiswa dan apa-apa urusan lain yang mempengaruhi keputusan pihak universiti.
3. Surat Pekeliling dikeluarkan setiap tahun bagi memaklumkan semula mengenai larangan tersebut namun masih terdapat di kalangan staf yang mengemukakan surat sokongan daripada pihak istana, kementerian, ahli politik dan lain-lain pihak yang berpengaruh bagi memberi tekanan kepada pihak universiti terhadap tuntutan seperti dinyatakan di atas.

DITERIMA PEJABAT REKTOR UiTM CAWANGAN KEDAH
23 JAN 2013
Tindakan:.....
Makluman:.....

TUJUAN PELAKSANAAN

4. Sehubungan itu, YBhg. Datuk/Datin Paduka/Prof/Tuan/Puan diharap dapat memaklumkan semula mengenai larangan membawa pengaruh luar kerana perlakuan ini melanggar Peraturan 3(2)(h), Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan Surat Aku Janji yang telah ditandatangani staf.

5. Tindakan tatatertib boleh terus diambil terhadap mana-mana individu yang didapati melanggar peraturan ini tanpa pemakluman lanjut.

TARIKH DIKELUARKAN

6. Surat Pekeliling ini dikeluarkan pada 10 Januari 2013.

TARIKH KUATKUASA

7. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada 10 Januari 2013.

PEMAKAIAN

8. Surat Pekeliling ini terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA.



DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR

Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Semua Dekan-Dekan Fakulti

Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(UDG/PT.6/3)

No. Siri : 100-BPD(UDG/02/2013-SP)